

Menjengah Projek Pasca-Bencana



Meneliti Kesan Projek Pasca-Bencana

Buat pertama kalinya Pegawai Projek MVM dapat turun ke Indonesia untuk melihat sendiri, sekaligus mendapatkan maklum balas terhadap projek yang siap pada tahun 2024.

Telaga di Cianjur

Ini adalah kali ketiga MVM menyalurkan sumbangan terkumpul untuk projek pasca-bencana di Indonesia. Bermula dengan projek surau sementara di Bogor pada tahun 2020 - 2021, beberapa bantuan lain pula menyusul seiring keperluan semasa.

Bantuan ketiga sumbangan dermawan Malaysia telah disiapkan pada bulan Jun 2024. Projek ini telah memberi manfaat kepada komuniti di Desa Benjot, Kecamatan Cugenang, Kabupaten Cianjur, Jawa Barat yang berdepan masalah ketidadaan air bersih susulan gempa bumi November 2022 serta kemarau.

Pembinaan satu unit telaga beserta sebuah tangki dan beberapa paip air untuk kemudahan wuduk telah menampung keperluan 400 orang penduduk. Sebelum telaga ini ada, penduduk di sini terpaksa menggunakan sumber air tercemar atau terpaksa berjalan jauh untuk mendapatkan air bersih.



Sewaktu kedatangan kami, kemudahan ini masih kekal dimanfaatkan sehingga ke hari ini. Malah, dalam tempoh setahun selepas telaga ini siap, ia tidak kering walaupun kemarau berlaku.



Kesempatan melihat sendiri projek ini siap di Cianjur, Jawa Barat adalah kepuasan dan rasa syukur. Ia menjadi penanda aras kepercayaan kami terhadap rakan pelaksana di Indonesia. Khususnya dari segi ketepatan maklumat, kualiti projek dan komitmen mereka (mengambil kira lokasi yang agak jauh dengan jalan yang mencabar).

Telaga ini telah memberi impak yang besar kepada kesihatan, kebersihan serta kehidupan sehari-hari masyarakat di sana, khususnya golongan wanita dan kanak-kanak.

Lori Tangki Air

Sebelum telaga ini dibina, kami sempat menyalurkan air melalui 2 buah lori tangki pada tahun 2023 selama dua hari. Bantuan ini diberikan selepas kami melihat sendiri ada warga yang menggunakan sumber air tercemar.



Masjid di Bogor



Pada tahun 2021, sebuah masjid sementara berukuran 12m x 12m telah berjaya disiapkan di Cipendawa, Kampung Cileuksa, daerah Sukajaya, Bogor, Jawa Barat, Indonesia. Masjid ini dibina sebagai tindak balas terhadap kerosakan teruk masjid sedia ada akibat kejadian tanah runtuh pada tahun 2020.

MVM juga telah menyiapkan kemudahan sanitasi yang terdiri daripada 3 unit tandas serta tempat wuduk. Pembinaan masjid sementara ini telah memberi kemudahan kepada 212 buah keluarga. Selain daripada kemudahan tandas serta tempat wuduk, masjid ini turut dilengkapi karpet, kipas, sistem bunyi, Al-Quran, buku Iqra, telekung, kain sarung serta meja mengaji.




Kami tidak berjaya sampai ke sini kerana kekangan masa serta faktor lokasi yang lebih jauh dari lokasi telaga. Melalui kesempatan yang ada, kami menghubungi semula pegawai projek ini dan beliau memaklumkan masjid ini masih lagi digunakan. Kerosakan yang ada pun telah dibaiki sendiri oleh penduduk.

Agihan Beras

MVM memanfaatkan kunjungan singkat ke Indonesia dengan beberapa siri mesyuarat, program komuniti serta agihan beras kepada 125 wakil keluarga miskin.





Laporan ini disediakan oleh:

Jabatan Program dan Hal Ehwal Kemanusiaan,

Muslim Volunteer Malaysia